

18/03/2005

PM sampai ucapatama sidang IAS

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan ucapatama dan merasmikan Persidangan Sains Malaysia-Akademi Sains Islam (IAS) 2005, Isnin ini.

Persidangan lima hari itu merangkumi tiga komponen utama, iaitu Persidangan Sains, Teknologi dan Inovasi Bagi Pembangunan Sosio Ekonomi Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC); mesyuarat pertama Kumpulan Petugas OIC Bagi Wawasan 1441 serta pameran produk sains teknologi.

Beberapa tokoh terkemuka dunia dijangka menyampaikan ucapan di persidangan itu termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang akan menyampaikan ucapan bertajuk, 'Negara Islam Dalam Abad Ke-21 - Laluan Untuk Pembangunan.'

Antara mereka yang akan menghadiri persidangan itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis; Presiden Akademi Sains dan Teknologi Korea, Prof Kun Mo Chung dan Ketua Penyelaras Jawatankuasa Kerjasama Sains dan Teknologi OIC, Prof Atta-Ur-Rahman.

(END) Source : Berita Harian